



IKLAN JAWATAN KEMAJUAN KERJAYA TAHUN 2026 KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL

Staf Universiti Sains Malaysia dan Hospital Pakar Universiti Sains Malaysia (HPUSM)
yang berkeelayakan dipelawa untuk memohon jawatan berikut:

1. PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL DV13

Kekosongan : **USM**

Jawatan Pemohon : Pegawai Latihan Vokasional DV12

3. PEGAWAI HAL EHWAL ISLAM S10

Kekosongan : **USM**

Jawatan Pemohon : Pegawai Hal Ehwal Islam S9

2. PEGAWAI HAL EHWAL ISLAM S13

Kekosongan : **USM**

Jawatan Pemohon : Pegawai Hal Ehwal Islam S12

SYARAT-SYARAT UMUM KENAIKAN PANGKAT

Syarat-syarat umum untuk proses kenaikan pangkat di USM adalah seperti berikut;

1. Disahkan dalam perkhidmatan.
2. Mencapai tahap prestasi yang ditetapkan: markah purata **Laporan Penilaian Prestasi (LPP) tahunan bagi tiga (3) tahun terakhir adalah minimum 85%** – markah yang diambil kira ialah **LPP Tahun 2023, 2024 dan 2025**.
3. Markah **LPP tahun terakhir (2025) adalah minimum 85%**.
4. Diperaku oleh Ketua Jabatan.
5. Bebas daripada hukuman tatatertib, Ombudsman dan Arahan Perbendaharaan 59 (AP59) – semakan diuruskan oleh urus setia.
6. Telah mengisytiharkan harta berdasarkan peraturan yang berkuat kuasa – pemohon dikehendaki membuat pengisytiharan harta melalui CampusOnline menggunakan aplikasi EHarta.
7. Lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) – semakan diuruskan oleh urus setia.

MAKLUMAN PENTING

1. Permohonan kenaikan pangkat akan dianggap terbatal sekiranya didapati pemohon memberikan maklumat yang tidak benar dan palsu.
2. Permohonan yang tidak memenuhi syarat -syarat kenaikan pangkat tidak akan diproses.
3. Permohonan yang tidak lengkap atau lewat diterima tidak akan diproses.
4. Pihak Universiti berhak untuk menentukan penempatan bagi calon-calon yang berjaya mengikut keperluan dan kepentingan perkhidmatan calon.
5. Universiti berhak untuk tidak menaikkan pangkat calon ke jawatan berkenaan jika tiada calon yang layak.

TATACARA PERMOHONAN KEMAJUAN KERJAYA KE GRED JAWATAN PENGURUSAN & PROFESIONAL

1. Permohonan hendaklah dibuat melalui sistem MyKerjaya@USM dengan melengkapkan **Bahagian Inisiatif Berimpak Tinggi, Penilaian Kendiri dan Pengakuan Pemohon**.
2. Pemohon hendaklah mengemaskini perisytiharan harta melalui CampusOnline menggunakan aplikasi EHarta.

TATACARA PENILAIAN OLEH PEGAWAI PENILAI PERTAMA (PPP)

1. Penilai akan menerima e-mel sebagai Pegawai Penilai Pertama (PPP).
2. Pegawai Penilai Pertama (PPP) perlu **mengesahkan Inisiatif Berimpak Tinggi** yang diisi oleh pemohon melalui sistem MyKerjaya@USM menggunakan menu Penilaian.
3. Pegawai Penilai Pertama (PPP) boleh terus membuat penilaian apabila menerima e-mel makluman daripada sistem MyKerjaya@USM.

TATACARA PENILAIAN OLEH KETUA JABATAN (KJ)

1. Penilai akan menerima e-mel sebagai Ketua Jabatan (KJ).
2. Ketua Jabatan (KJ) perlu membuat **Penilaian Ketua Jabatan** dan **Perakuan Kenaikan Pangkat** melalui sistem MyKerjaya@USM menggunakan menu Penilaian.
3. Penilaian boleh terus dilengkapkan apabila menerima e-mel makluman penilaian daripada sistem MyKerjaya@USM.

TATACARA PENILAIAN OLEH PEGAWAI PENILAI PERTAMA (PPP) & KETUA JABATAN (KJ) (INDIVIDU YANG SAMA)

1. Penilai akan menerima e-mel sebagai Ketua Jabatan (KJ).
2. Ketua Jabatan (KJ) yang juga merupakan Pegawai Penilai Pertama (PPP) perlu mengesahkan **Inisiatif Berimpak Tinggi**, melengkapkan **Penilaian Ketua Jabatan** dan **Perakuan Kenaikan Pangkat** melalui sistem MyKerjaya@USM menggunakan menu Penilaian.
3. Penilaian boleh terus dilengkapkan apabila menerima e-mel makluman penilaian daripada sistem MyKerjaya@USM.

TARIKH PERMOHONAN DAN PENILAIAN KEMAJUAN KERJAYA

1. Tarikh Permohonan Kemajuan Kerjaya adalah pada **6 Mei 2026 (Rabu) hingga 3 Jun 2026 (Rabu)**.
2. Tarikh Penilaian Kemajuan Kerjaya adalah pada **6 Mei 2026 (Rabu) hingga 10 Jun 2026 (Rabu)**.